


PEMAKLUMAN PELAKSANAAN ENAKMEN HOTEL NEGERI PERAK 2023



PENGENALAN

ENAKMEN HOTEL : Sidang Dewan Negeri Perak ke 15 pada 22 hingga 25 Mei 2023 telah bersetuju meluluskan Enakmen Hotel Perak 2023

Dua (2) komponen utama Enakmen :

- a) Memastikan semua premis penginapan pengunjung di negeri Perak memiliki lesen hotel daripada Pihak Berkuasa Tempatan
- b) Mbenarkan kutipan Caj Perkhidmatan Tempatan (CPT) dikenakan kepada penginap hotel

CAJ PERKHIDMATAN TEMPATAN : caj dikenakan kepada mana- mana orang yang menumpang, bermalam atau berlindung di hotel Negeri Perak

Kini kaedah pelaksanaan Enakmen ini telah diperincikan di dalam Peraturan Hotel Perak yang telah mendapat kelulusan MMK Negeri Perak untuk dikuatkuasakan dan ianya dalam tindakan pewartaan.

**KUTIPAN CPT = RM3.00
setiap bilik per malam
BERMULA 1 JANUARI 2025**


KAEDAH PELAKSANAAN CPT

-
-  Caj Perkhidmatan Tempatan (CPT) di Perak tertakluk kepada Seksyen 29 Enakmen Hotel Perak 2023:
 -  Caj perkhidmatan tempatan yang dikutip hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri dan tertakluk kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 -  Keseluruhan terimaaan CPT hendaklah diiktiraf sebagai hasil Negeri pada tahun semasa kutipan. Manakala jumlah agihan akan dibajetkan pada tahun kewangan berikutnya oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan nisbah agihan yang dipersetujui.

PROSES PEMUTIHAN LESEN HOTEL

TEMPOH: 1 JULAI 2024 – 30 JUN 2025

1. Tiada orang yang boleh menguruskan hotel tanpa berlesen di bawah pelaksanaan Enakmen Hotel ini.
2. Para pengusaha hotel (baru) yang belum pernah memiliki lesen (memerlukan bimbingan dan penjelasan dalam memenuhi syarat-syarat lesen).
3. Pihak Berkuasa Melesen mempertimbangkan kelonggaran syarat lesen dan menangguhkan penguatkuasaan di bawah fasal 13,14 dan 15 bagi mana-mana kesalahan dalam Peraturan Hotel Perak tersebut.
4. Memberi tempoh yang munasabah kepada PBT untuk mendekati dan mendidik, di samping pengusaha hotel dapat memenuhi tuntutan syarat lesen bagi melesenkan perniagaan hotel mereka.



TUJUAN PELAKSANAAN PEMUTIHAN

01

Memastikan semua jenis penginapan, dan pemalaman di Negeri Perak (samada di dalam kawasan operasi dan luar kawasan operasi PBT) mempunyai ruang dan tempoh yang mencukupi untuk memiliki lesen hotel daripada PBT

02

Tempoh suai-kenal dan membina hubungan PBT dengan penggerak industri pelancongan tempatan masing-masing ke arah ruang-ruang kerjasama strategik pelancongan di masa akan datang

03

Menggalakkan permohonan lesen hotel bagi melengkapkan data hotel seluruh Perak yang amat kritikal untuk perancangan pembangunan sektor pelancongan Negeri Perak

04

Pelaksanaan yang seragam di antara semua PBT agar dapat sama-sama berkongsi impak dan maklumbalas awam ke atas Enakmen yang baru dikesmaskini.

IMPAK PELAKSANAAN

Peningkatan pengunjung ke Negeri Perak melalui amalan safe-tourism

Pengiktirafan kepada lebih ramai pengusaha

Keyakinan kepada para pengunjung

Keseragaman kualiti (keselamatan / kebersihan) penginapan di negeri Perak



KENYATAAN MEDIA

YB PENGURUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PELAKSANAAN ENAKMEN HOTEL PERAK

Enakmen Hotel Perak 2023 yang diluluskan oleh Dewan Negeri Perak pada 23 Mei 2023 telah diwartakan pada 20 Julai 2023. Kini, kaedah pelaksanaan Enakmen ini telah diperincikan di dalam Peraturan Hotel Perak yang telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak untuk dikuatkuasakan.

Enakmen Hotel Perak 2023 bersama dengan Peraturan Hotel Perak 2024 ini mampu menambahbaik tata kelola pengurusan hotel dan tempat-tempat penginapan di negeri Perak, meningkatkan amalan keselamatan awam di samping kesedaran kesihatan persekitaran di kalangan pemain industri pelancongan di negeri Perak.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan tentang dua (2) kandungan utama Enakmen yang melibatkan dua (2) tarikh kuatkuasa dalam melaksanakan Enakmen Hotel Perak 2023:

Pertama: PENYERAGAMAN LESEN HOTEL

Enakmen ini menetapkan semua pengendali hotel dan rumah tumpangan termasuk pengusaha rumah rehat, tapak-tapak perkhemahan, chalet, houseboat dan lain-lain tempat pemalaman dan penginapan di negeri Perak yang mengenakan caj kepada pengunjung perlu mendapatkan lesen hotel daripada Pihak Berkusa Melesen (iaitu Pihak Berkusa Tempatan)

Tarikh kuatkuasa pelaksanaan penyeragaman Lesen Hotel ini adalah pada **1 Julai 2024**.

Bagi memberi tempoh yang mencukupi untuk sesi pendidikan dan bimbingan kepada kumpulan sasar (baru disenarai sebagai pengusaha hotel), pihak Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan **tempoh pemutihan selama setahun**. Penguatkuasaan berhubung lesen-lesen baru akan ditangguhkan selama tempoh ini (berakhir 30 Jun 2025).

Kedua: CAJ PERKHIDMATAN TEMPATAN (CPT)

Caj ini merupakan bayaran yang baru diwujudkan untuk pengunjung yang menginap di Perak (caj seumpama ini juga telah dilaksanakan di beberapa negeri lain dengan pelbagai nama caj dan tafsiran). Bayaran RM3 untuk setiap bilik/setiap malam yang ditetapkan ke atas pengunjung adalah inisiatif tambahan yang diharapkan akan membantu kami memperbaiki mutu perkhidmatan tempatan di tempat-tempat pelancongan di negeri ini.

Tarikh kuatkuasa pelaksanaan bayaran Caj ini ditangguh ke **1 Januari 2025** bagi menghargai kedatangan pengunjung yang memeriahkan "Tahun Melawat Perak 2024" sehingga hujung tahun ini.

Maklumat lanjut perkara ini akan mula dimasukkan ke semua portal dan website Pihak Berkusa Tempatan (PBT) selewat-lewatnya pada minggu hadapan. Sesi libaturus dengan pihak-pihak yang terlibat langsung dengan pelaksanaan Enakmen ini akan diadakan dari semasa ke semasa dan persoalan-persoalan akan dapat diperjelas dengan pengusaha hotel secara lebih dekat bagi mengelakkan silap faham di kalangan penggiat industri perhotelan di negeri Perak.

Sekian, terima kasih.



CAJ RM3 MENGINAP DI PERAK MULAI TAHUN DEPAN

sinarharian.com.my

20 JUN 2024



@ZUXX.7

Liked by sashaaljufry_official and 344 others
sinarharian Kerajaan negeri Perak akan mengenakan bayaran tambahan RM3 untuk Caj Perkhidmatan Tempatan (CPT) bagi pengunjung yang menginap di negeri ini mulai 1 Januari 2025.

Exco Perumahan dan Keraian Tempatan negeri, Sandrea Ng